

INTERNATIONAL JOURNAL OF
HUMANITIES, PHILOSOPHY
AND LANGUAGE (IJHPL)

www.ijhpl.com



KONSEP SASTERA ISLAM OLEH SIDDIQ FADHIL

THE CONCEPT OF ISLAMIC LITERATURE ACCORDING TO SIDDIQ FADHIL

Adli Yaacob¹, Muhammad Nur Farhan Zamziba²

- ¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
Email: adlihy@iium.edu.my
- ² Pelajar MA Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

Article Info:

Article history:

Received date: 25.10.2021

Revised date: 15.11.2021

Accepted date: 10.12.2021

Published date: 31.12.2021

To cite this document:

Yaacob, A., & Zamziba, M. N. F. (2021). Konsep Sastera Islam Oleh Siddiq Fadhil. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (16), 129-142.

DOI: 10.35631/IJHPL.416008.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini berkaitan dengan konsep sastera Islam yang dicetuskan oleh Prof. Dato' Dr. Siddiq bin Haji Fadhil. Beliau telah membawa satu pandangan baharu dalam dunia sastera iaitu penggabungan antara sastera Islam dengan Maqasid al Syariah bahagian al Tahsiniyat. Beliau juga menetapkan 4 syarat dalam untuk melahirkan sesebuah sastera Islam iaitu, **pertama**: penulis sastera Islam itu mestilah beragama Islam. **Kedua**: Muslim tersebut mestilah menghayati agama Islam dengan sebenar-benar penghayatan kerana melalui penghayatan tersebut akan lahir sebuah sastera Islam. **Ketiga**: sastera Islam tersebut mestilah membawa pengabdian kepada Allah. **Keempat**: sastera Islam tersebut juga mestilah yang dapat memberi manfaat kepada seluruh makhluk ciptaan Allah. Di samping 4 syarat yang ditetapkan, beliau juga tidak mengabaikan dua aspek utama bagi sesebuah sastera iaitu bentuk dan tema. Selain itu, beliau juga menolak fahaman Seni untuk Seni dan Seni untuk Masyarakat kerana dua fahaman ini tidak bersifat realistik dan hanyalah sebuah khayalan.

Kata Kunci:

Maqasid Al Syariah – Al Tahsiniyat – Pengabdian – Tema – Berbakti – Penghayatan – Realistik – Agama – Bentuk – Perhiasan

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. E-Mel: adlihy@iium.edu.my.

² Pelajar MA Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Abstract:

This study relates to the concept of Islamic literature that was propagated by Prof. Dato' Dr. Siddiq Fadhil. He has brought a new point of view in the world of literature which is the combination of Islamic literature and Maqasid al Shariah which is a part of al Tahsiniyat. He also set 4 conditions in order to produce an Islamic literature, **first:** the author of Islamic literature must be a Muslim. **Second:** that Muslim must live in the religion with real application because through the application, it will create an Islamic literature. **Third:** Islamic literature must bring the meaning to the devotion of God. **Fourth:** the Islamic literature must also be beneficial to all the creations of God. In addition, he also not ignoring the two main aspects of a literary: form and theme. Besides, he denied the Art for Art and Art for Society because these two creeds that are not realistic and just illusions.

Keywords:

Maqasid Al Shariah – Al Tahsiniyat – Devotion – Theme – Serve – Live In – Realistic – Religion – Form - Jewellery

Pengenalan

Para penyair di zaman Arab Jahiliyyah yang terkenal digelar sebagai **Mualaqat al 'Asyara (معلقات العشرة)**, mereka merupakan penyair yang sangat mementingkan kefasihan percakapan, penggunaan gaya bahasa yang diungkapkan bahkan mereka mengutamakan keindahan perkataan dalam syair-syair mereka. Antara para penyair yang masyhur tersebut ialah: Imru al Qais, Tarfah bin al 'Abd, al 'Asya, 'Abid bin al 'Abros, al Nabighah al Zubyani, Zuhair bin Abi Salma, 'Antarah bin Syaddad, 'Amru bin Kalthum, al Haris bin Halzah al Yashkari, Labid bin Rabi'ah al 'Amari.

Walau bagaimanapun, para penyair Arab Jahiliyyah cenderung kepada tema-tema yang berlebihan dan bersikap melampaui batas ketika mereka mendeklamasikan syair-syair mereka. Antara tema-tema yang sering menjadi keutamaan ialah penghinaan, ratapan, khayalan, perempuan dan pelbagai lagi sifat-sifat yang tidak terpuji seperti mana firman Allah azza wajalla:

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ أَلَمْ تَرَأَهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَهيمُونَ وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ

Pengertiannya: *Dan Ahli-ahli syair itu, diturut oleh golongan yang sesat - tidak berketentuan hala. Tidakkah engkau melihat bahawa mereka merayau-rayau dengan tidak berketentuan hala dalam tiap-tiap lembah (khayal dan angan-angan kosong)? Dan bahawa mereka memperkatakan apa yang mereka tidak melakukannya?* (Surah al-Syu'ara':224-226).

Islam datang dan muncul untuk memurnikan kefahaman masyarakat Arab Jahiliyyah. Islam membentuk corak pemikiran mereka kepada pemikiran yang baik. Islam tidaklah menolak syair-syair secara mutlak, namun Islam hanya menindakkan syair yang mengutuk, memecahbelahkan masyarakat, menggunakan kata-kata yang kesat dan kasar dan menghina manusia. Firman Allah azza wajalla:

إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا وَانْتَصَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا ۗ وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ مُنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ

Pengertiannya: *Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh (dari kalangan penyair-penyair itu), dan mereka pula mengingat Allah banyak-banyak, serta mereka membela diri sesudah mereka dianiaya. Dan (ingatlah), orang-orang yang melakukan sebarang kezaliman, akan mengetahui kelak, ke tempat mana, mereka akan kembali.* (Surah al-Syu'ara':227)

Selepas Islam tersebar di Bumi Mekah pada zaman Nabi Muhammad sollahu'alaihiwsalam, maka lahirlah penyair-penyair Islam seperti Hasan bin Thabit, Kaab bin Zuhair dan Abdullah bin Rawahah. Para penyair tersebut mempersembahkan tema-tema yang berlandaskan syariat Islam. Mereka bersyair tentang perjuangan, persahabatan, pengabdian kepada Allah azza wajalla dan sebagainya.

Perbincangan mengenai konsep al Adab al Islami sangat luas dan ramai pengkaji membahaskan soal ini. Perkataan Adab itu sendiri sudah memiliki makna yang luas, pendapat pertama menyatakan bahawa Adab itu adalah akhlak yang terpuji, percakapan yang baik dan melakukan amal kebaikan seperti mana sabda Nabi Muhammad sollahu'alaihiwasalam:

أَدَّبَنِي رَبِّي فَأَحْسَنَ تَأْدِيبِي

Maknanya: *Tuhanku telah mendidik aku dengan akhlak yang baik maka akulah sebaik-baik contoh dan teladan*³.

Zaman sentiasa berubah, tamadun sentiasa berkembang maju dan begitu jugalah bahasa. Bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan sesebuah tamadun. Sebagai contoh, perkataan 'Adab' sendiri membawa makna yang pelbagai dari satu zaman ke satu zaman. Perubahan makna perkataan bukan bererti makna asal perkataan itu hilang tetapi perubahan makna sesuatu perkataan itu mengikut kesesuaian zaman dan konteks sesebuah ayat. Sebagai contoh, Adab boleh diertikan sebagai ketamadunan, pendidikan, akhlak yang terpuji dan nilai-nilai kemanusiaan yang unggul. Adab juga membawa makna memberikan makanan seperti yang dikatakan dalam syair Arab Badwi⁴. Adab juga membawa pengertian ikutan dan teladan⁵. Adab juga bermaksud kehalusan budi bahasa, pengetahuan dan akal⁶. Adab juga berkait rapat dengan tatasusila, didikan dan pembelajaran⁷. Adab juga menceritakan tentang kesenian⁸. Adab juga mengungkapkan tentang pendidikan estetika⁹. Bahkan Adab juga menerangkan syair, puisi dan kata-kata hikmah seperti mana Saidina Umar al Khattab menasihati anaknya:

³ الإمام جلال الدين ابن أبي بكر السيوطي، 2004، الجامع الصغير، دار الكتب العلمية: بيروت، p309

⁴ الندوي، أ. ح. (n.d.). في مسيرة الحياة، pp36-37

⁵ Hussein, Nasr El Din Ibrahim Ahmed, 2005، الإطار والمنهج، الأدب الإسلامي: (al-Adab al-Islami : al-itar wa al-manhaj) = Islamic literature: paradigm and method, IIUM Press: Kuala Lumpur, p3.

⁶ كارلو نالينو، 1954، تاريخ الآداب العربية من الجاهلية حتى عصر بني أموية، دار المعارف: القاهرة، p13

⁷ Hussein, 2005, passim, p5.

⁸ Ibid, p23.

⁹ Hassan, M. A., 1992, Aesthetic Education from Tawhid Approach, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, p9.

يا بني ائسب نفسك تصل رحمك، واخفظ محاسن الشعر يحسن أدبك

Pengertiannya: “Wahai anakku yang dikasihi, jalinkanlah perhubungan yang baik kerana dia akan memberikan kesenangan kepada kamu, peliharalah kata-kata yang baik kerana dia akan mencantikkan bahasa kamu”.¹⁰

Untuk menguatkan hujah ungkapan saidina Umar al Khattab, Nabi Muhammad sollahu'alaihiwasalam juga bersabda:

إن من البيان سحرا- وإن من الشعر حكما

Pengertiannya: “Sesungguhnya kata-kata yang indah itu adalah sihir dan ianya mengandungi hikmah yang tersirat”(صحيح ابن حبان، ص.5780).

Definisi Sastera

Sastera dalam adat dan budaya Melayu merupakan satu perkara yang sangat penting bagi masyarakat Melayu secara khususnya kerana bagi mereka sastera merupakan budaya yang indah dan melambangkan identiti masyarakat. Keunikan sesebuah masyarakat Melayu dahulu adalah pada sastera. Mereka berpantun, bersyair dan bergurindam bukan hanya pada waktu dan upacara tertentu, malah setiap urusan kehidupan mereka penuh dengan kata-kata indah. Sastera pada zaman dahulu adalah sebuah harga yang tidak ternilai. Kini masih diperjuangkan namun roh kesasteraan itu tidak cukup mapan seperti zaman dahulu.

Sasterawan-sasterawan dulu dan kini melihat sastera dengan pelbagai persepsi. Setiap persepsi itu ada nilai-nilai yang penting. Pemikiran dan pandangan setiap sasterawan terhadap sastera sangat berbeza, ada yang melihat dari sudut bentuk, ada yang mementingkan soal tema dan sebagainya.

Di Malaysia, para sasterawan sudah melihat sastera melebihi daripada segalanya. Mereka memandang sastera dari sudut kaca mata Islam. Sastera Islam telah diperdebatkan panjang lebar pada awal tahun 1950an sehingga kini. Kajian ini juga akan membahaskan konsep sastera Islam.

Kajian ini akan mengkaji konsep sastera Islam menurut pandangan Prof Dato' Dr. Siddiq Fadhil¹¹(seterusnya Siddiq Fadhil). Menurut beliau: “Sastera Islam ialah sebuah karya yang

¹⁰ Hussein, 2005, *passim*, p14.

¹¹ Prof. Dato' Dr. Siddiq Bin Haji Fadhil lahir pada 4 Januari 1947 di Bagan Dato Perak. Beliau mendapat pendidikan formalnya di sekolah kampung kelahirannya, Sungai Tiang Darat. Setelah menamatkan pendidikan menengahnya di Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh, beliau mengikuti kursus ikhtisas perguruan di Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur (1967-1968). Kerjayanya sebagai pendidik bermula sebelum beliau melanjutkan pengajiannya di Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1971). Setelah meraih ijazah Sarjana Muda Sastera, Kepujian Kelas Pertama (1974), beliau melanjutkan pengajian ijazah keduanya di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dan dikurniakan Sarjana Persuratan (M.Litt.) pada tahun 1978. Seterusnya pada tahun 1989, beliau menjadi penerima pertama ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.) dari Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Di samping menekuni kerjayanya sebagai ahli akademik di Jabatan Persuratan Melayu, UKM, beliau juga bergiat dalam gerakan keislaman sebagai Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia, (ABIM) (1983-1991). Mantan Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) (2005-2015). Selepas persaraannya pada tahun 2001, beliau terus giat dalam bidang keilmuan dan pendidikan IPTS. Kini beliau berkhidmat sebagai Presiden Kolej Dar al-Hikmah, Adjung UNISEL, Pengerusi Akademi Kajian Ketamadunan (AKK), Ahli Panel Akademi Pengurusan YaPEIM, Pengerusi Institut Darul Ehsan (IDE), Pengerusi Pusat Kajian Maqasid Shari'ah IDE, Pengerusi Majlis Istisaryiy WADAH dan yang terkini Pengerusi

dihasilkan oleh seorang Muslim yang menghayati agamanya dan mampu mengekspresikan karya untuk pengabdian sepenuhnya terhadap Allah azza wajalla. Sastera Islam mestilah berbakti kepada seluruh kehidupan”.

Saya melihat bahawa beliau telah mengklasifikasikan sastera Islam ini dalam beberapa bentuk iaitu: Pertama, mestilah seseorang yang beragama Islam. Kedua, individu yang beragama Islam mestilah menghayati agamanya dengan melaksanakan segala perintah Allah azza wajalla dan meninggalkan segala tegahan-Nya. Ketiga, sastera Islam mestilah bermatlamatkan hanya semata-mata kerana Allah azza wajalla. Keempat, sastera Islam mesti dimanfaatkan untuk seluruh kehidupan baik manusia mahupun haiwan, sama ada kehidupan di darat atau lautan bahkan kehidupan di bumi dan di langit juga.

Pertama: Islam.

Beliau meletakkan syarat pertama iaitu Islam. Syarat utama ini menjadi asas bagi pengkarya yang menulis dan mengkaji sastera Islam sama ada dalam bidang sastera Melayu, Arab, Parsi, Rom, India, Cina dan sebagainya.

Jika pengkarya itu beragama Islam maka selayaknya karya itu dinamai sebagai sastera Islam tidak kira bahasa yang dikarang atau dipersembahkannya. Pengkaji melihat kefahaman ini bertepatan dengan ajaran al Quran yakni kalamullah seperti mana firmannya:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Pengertiannya: *Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam* (Surah al-‘Imran:19)

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Pengertiannya: *Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.* (Surah al-‘Imran: 85)

Penulis mengemukakan beberapa persoalan kepada Siddiq Fadhil, bagaimana pula jika pengkarya itu bukan beragama Islam tetapi di dalam karyanya terdapat nilai-nilai keislaman? Apakah tidak wajar mengatakan karyanya sebagai sastera Islam?

Menurut beliau, tidak boleh sama sekali menyatakan ianya sastera Islam kerana mereka bukan beragama Islam. Mereka tidak mampu menghayati agama Islam. Jika mereka tidak mampu menghayatinya, bagaimana mungkin dia akan berbicara tentang sastera Islam. Semua ini berasaskan kepada niat seperti sabda Nabi Muhammad sollahu’alaihiwasalam:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا، أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهَا

Makna: *Sesungguhnya setiap amalan bergantung pada niatnya. Setiap orang akan dapat apa yang dia niatkan. Siapa yang hijrahnya kerana Allah azza wajalla dan Rasul-Nya, maka hijrahnya kerana Allah azza wajalla dan Rasul-Nya. Siapa yang*

Panel Majlis Perundangan Islam (MPI). Sebagai menghargai khidmat dan baktinya dalam pelbagai bidang, beliau telah dianugerahkan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan (2001) Seterusnya pada tahun 2006 beliau telah terpilih sebagai penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah Negeri Perak bagi tahun 1427 H.

hijrahnya karena mencari dunia atau karena wanita yang dinikahnya, maka hijrahnya kepada yang dia tuju (HR Bukhari, no.1) (Muslim, no. 1907).

Bahkan beliau juga menyatakan seandainya pengkarya itu beragama Islam namun dia tidak menghayati agamanya, ia juga tertolak. Jika kita menyandarkan sebuah kata-kata daripada rasulullah sollahu'alaihiwasalam tentang perbezaan seorang Muslim pada namanya dengan Muslim yang menghayati agamanya nescaya kita akan melihat ada jurang perbezaan yang besar seperti mana sabda Nabi Muhammad sollahu'alaihiwasalam:

العهد الذي بيننا وبينهم الصلاة، فمن تركها فقد كفر

Makna: *Perjanjian antara kita dengan mereka adalah shalat, siapa yang meninggalkannya, maka dia telah kafir* (Sunan Tirmizi, no.2621).

Justeru, berkenaan sastera Islam seandainya dihasilkan seseorang yang tidak menghayati agamanya maka kita juga tidak menyebut karyanya sebagai sastera Islam. Perbincangan hal ini akan diterangkan pada syarat kedua.

Kedua: Penghayatan Dalam Beragama.

Syarat kedua yang beliau nyatakan ialah pengkarya itu mestilah menghayati agamanya dengan menyerahkan segala jiwa dan raganya untuk beramal dengan ajaran Islam seperti yang digariskan dalam syariat Islam.

Apabila pengkarya itu menulis sastera Islam dalam keadaan dirinya yang sentiasa menghayati agamanya maka sastera itu akan terserlah dengan nilai-nilai indah yang dikehendaki syariat Islam. Karya sastera itu seolah-olah memberi pedoman dalam kehidupan seharian. Karya itu juga tidak hanya berbicara soal-soal khayalan semata-mata tetapi mampu berpijak pada bumi yang nyata.

Pengkaji memerhatikan bahawa syarat ini sangat bertepatan dengan kebenaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sollahu'alaihiwasallam melalui al Quran. Dalam al Quran, terdapat kisah-kisah pedoman dan pengajaran seperti: Hikayat Raja Sulaiman dengan umatnya, kisah Gajah menyerang Mekah, kisah Nabi Musa 'alaihissalam mengembara bersama Nabi Khidir 'alaihissalam, dan sebagainya.

Seandainya seseorang itu benar-benar menghayati agamanya maka dia akan menyampaikan sasteranya ke arah jalan kebenaran dengan lebih praktikal dan paling penting dia mampu mendidik umat. Oleh itu, amat wajarlah jika Siddiq Fadhil mengetepikan pengkarya yang beragama Islam tetapi tidak mampu menterjemahkan agamanya sebagai sastera Islam disebabkan dia tidak menghayati agamanya dengan sebenar-benarnya.

Larangan dan tegahan mengungkapkan sesuatu tanpa tindakan yang dilakukan sangat dibenci oleh Allah azza wajalla:

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ أَلَمْ تَرَأَهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَهيمُونَ وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ

Pengertian: Dan Ahli-ahli syair itu, diturut oleh golongan yang sesat - tidak berketentuan hala. Tidakkah engkau melihat bahawa mereka merayau-rayau dengan tidak berketentuan hala dalam tiap-tiap lembah (khayal dan angan-angan kosong)? Dan bahawa mereka memperkatakan apa yang mereka tidak melakukannya? (Surah al-Syu'ara':224-226)

Allah azza juga mencela dan melaknat manusia yang tidak mengotakan kata-kata yang diungkapkannya:

كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ

Pengertian: Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya. (Surah al-Saf: 3)

Ketiga: Pengabdian Kepada Allah Azza Wajalla

Syarat ketiga yang beliau tetapkan bagi sastra Islam ialah sastra itu mestilah tunduk mengabdikan kepada Allah azza wajalla. Sebuah karya yang menuju keredhaan Allah azza wajalla. Sebuah karya yang menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Sebuah karya yang mengajak setiap insan melaksanakan segala perintah Allah azza wajalla dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Firman Allah azza wajalla:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Pengertian: *Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.* (Surah al Imran: 104)

Sastra Islam bukan sahaja menyentuh tentang mengajak kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar namun ada yang lebih penting iaitu niat kepada semua itu mestilah ikhlas kerana Allah azza wajalla. Seperti mana firman Allah azza wajalla dalam surah al Bayinah:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ ۚ وَذَٰلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ

Pengertian: *Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar*

Inilah nilai-nilai sastra yang sangat penting. Sastra bukan sekadar satu karya dan penulisan yang tidak bermatlamat namun sastra Islam yang dikehendaki ialah sastra yang mengabdikan kepada Yang Maha Agung. Sastra diperhalusi niatnya yang suci dan murni untuk memberi pencerahan dalam kehidupan.

Sastra Islam ialah sebuah ibadat. Ibadat yang memberikan ketenangan dan mendekatkan diri kepada Yang Maha Sastera.

Inilah puncak matlamat yang tertinggi dalam menghasilkan sebuah sastra Islam. Dengan adanya nilai ini, ia akan membawa satu perubahan yang besar dalam diri seorang insan.

Keempat: Berbakti Kepada Kehidupan

Syarat terakhir yang beliau kemukakan ialah karya itu dapat berbakti bagi seluruh kehidupan. Sebuah karya yang mengajak insan berfikir dan bertindak. Keupayaan berfikir tentang kepentingan nilai-nilai ciptaan tuhan baik manusia, flora dan fauna, kehidupan di langit dan di bumi. Bukan sekadar berfikir tetapi bertindak dengan memelihara dan memulihara setiap ciptaan Tuhan. Itulah makna kebaktian yang hakiki. Firman Allah azza wajalla:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Pengertian: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan (Surah al-Maidah: 2)*

Jika kita menelusuri sejarah dan sirah kenabian Nabi Muhammad sollahu'alaihiwasallam, maka kita akan dapati bahawa perjuangan baginda dalam menyampaikan dakwah kepada seluruh umat tidak mengukur pangkat dan darjat seseorang. Bukan sahaja kepada umat tetapi baginda sollahu'alaihiwasallam menjaga hubungan dengan haiwan dan seluruh alam.

Begitulah sastera Islam. Untuk menilai sebuah karya sastera, kita perlu melihat dari segi pendekatan, persepsi dan pemikiran tentang kehidupan.

Hubungan Sastera Islam dengan Maqasid al Syariah

Perbahasan konsep sastera Islam telah dibincangkan secara teorinya namun masih ada perbincangan yang lebih mendasar mengikut pandangan Siddiq Fadhil iaitu hubungan sastera Islam dengan Maqasid al Syariah.

Perbahasan Maqasid al Syariah dalam konteks di Malaysia masih baru. Mutakhir ini, ramai pengkaji dan golongan intelektual cuba membahaskan Maqasid al Syariah dengan pelbagai dimensi dan aspek. Ada yang membahaskan dari sudut pelaksanaan politik pentadbiran negara, ekonomi, teknologi, alam flora dan fauna dan sebagainya. Pada abad ke-21, ramai tokoh sarjana melihat kepentingan Maqasid al Syariah dalam semua aspek kehidupan.

Siddiq Fadhil dikenali sebagai salah seorang tokoh dan sarjana yang mewacanakan konsep Maqasid al Syariah di Malaysia. Kehalusan dan ketajaman pemikiran beliau dalam membahaskan Maqasid al Syariah adalah luar daripada konteks. Sebagai contoh, dalam penulisan ini, beliau mengaitkan sastera Islam dengan Maqasid al Syariah. Ini adalah satu gambaran dan pemikiran sastera Islam yang baru yang belum pernah mana-mana sasterawan negara dan pengkaji sastera membahaskan perkaitan sastera Islam dengan Maqasid al Syariah. Sebelum perbahasan yang lebih terperinci mengenai perkaitan di antara dua ini, sebaiknya kita memahami dahulu secara asas apakah itu Maqasid al Syariah.

Maqasid al Syariah sudah dibincangkan oleh para ulama' terdahulu seperti al Juwaini, al Ghazali, al Razi, al 'Amidi, al Tufi, Ibn 'Asyur, Jasser Auda dan sebagainya. Setiap para cendekiawan Islam melihat makna Maqasid al Syariah dengan pelbagai dimensi namun masih ada pokok yang sama dipersetujui dan semuanya bersepakat di antara di satu sama lain ialah seperti yang dikatakan oleh al-Ghazali: *Maqasid al Syariah ialah suatu yang dituntut, tujuan, objektif, niat, matlamat atau prinsip undang-undang Islam yang wujud untuk kepentingan kemanusiaan.*

Dalam pemahaman Maqasid al Syariah juga terdapat pembahagian utama iaitu al Dharuriyat, al Hajjiyat dan al Tahsiniyyat serta al Mukamalat¹². Setiap Maqasid ini ada makna dan nilai yang tersendiri dan tidak boleh dipisahkan. Ya benar, ada yang lebih menjadi keutamaan tetapi hakikatnya keutamaan sesuatu maqasid berdasarkan konteks dan isu yang dibincangkan.

¹² اليوبي, م. س. (n.d.). مقاصد الشريعة وعلاقتها بالأدلة الشرعية.، p180

Yang pertama ialah al Dharuriyat iaitu suatu keperluan dalam menjaga matlamat yang penting bagi kehidupan manusia seperti menjaga agama, jiwa, akal, harta dan keturunan¹³.

Yang kedua ialah al Hajiyyat iaitu suatu keperluan untuk memudahkan kehidupan di dunia dan akhirat, yang mana tanpanya kehidupan manusia akan menjadi tidak sempurna dan mengalami kesempitan tetapi tidak sampai ke tahap rosak.

Yang ketiga ialah al Tahsiniyat iaitu sesuatu yang mencantikkan kehidupan atau tujuan seperti wangi-wangian, pakaian kemas, rumah yang cantik¹⁴.

Ketiga-tiga maqasid ini sangat penting dalam meletakkan sesuatu hukum dan perbahasan ini memerlukan kajian yang teliti dan mendalam.

Bagi Siddiq Fadhil, sastera Islam diletakkan dibawah al Tahsiniyat. Mengapa dan kenapa? Persoalan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dan terperinci. Kita boleh menilai sejauh mana kaitan sastera Islam dengan Maqasid al Syariah. Maqasid al Syariah bukan hanya dari segi undang-undang tetapi kita akan melihat Maqasid Syariah dalam tema dan bentuk sastera Islam.

Jika diperhatikan makna dan pengertian al Tahsiniyat, ia membicarakan soal keindahan kata-kata, kecantikan luhur budi, kebersihan dan suci zahir batin. Begitulah sastera Islam seperti yang kami bahaskan dalam konsep sastera sebelum ini. Sastera Islam yang menitikberatkan tentang kecantikan bahasa dan tema yang realistik.

Para penyair dan penulis sastera memandang bentuk dari segi estetika perkataan, bahasa yang jelas, ungkapan yang berseni, perkataan yang tepat, makna yang jelas, kehalusan ayat, rima yang sama dan teknik yang pelbagai. Inilah nilai sebuah sastera yang indah.

Di samping bentuk, mereka menumpukan persoalan tema yang dibangkitkan iaitu pengabdian, kebaktian, ilmu pengetahuan, realisme, tolong-menolong, kerjasama, keadilan, kesaksamaan, mengangkat nilai akhlak dan memberikan pengajaran dan pedoman. Tema dalam sastera Islam lebih mendasar dan melihat kepentingannya kepada seluruh kehidupan.

Justeru, al Tahsiniyat ada nilai persamaan dengan sastera Islam. Apabila disatukan Maqasid al Syariah dengan sastera Islam, maka ia akan melahirkan sebuah karya yang sangat indah dan bertepatan dengan kehendak syariat.

Untuk melahirkan sebuah karya yang menggabungkan dua konsep ini, penulis dan pengkaji perlu memahami dengan lebih mendalam tentang sastera Islam dan Maqasid al Syariah. Dua konsep ini akan mewujudkan sebuah pemikiran yang baharu dalam dunia sastera dan menjadikan sebuah sastera Islam yang lebih segar dan hidup.

Oleh itu, dalam melahirkan sebuah karya yang padanya terdapat nilai sastera Islam dengan Maqasid al Syariah, perkara ini perlu diwacanakan oleh semua pengkaji sastera kerana nilai-nilai ini hanya ada pada kerukunan agama Islam. Siddiq Fadhil telah membuktikan dalam

¹³ الإمام أبو حامد محمد بن محمد الغزالي، 450، المستصفى من علم الأصول، الجامعة الإسلامية: المدينة المنورة، p251

¹⁴ Auda, J. (n.d.), *Understanding Maqasid al Shariah*, p9.

puisinya iaitu kesan dan nasihat al Hamaian. Penulis akan mengkaji hal tersebut dalam bab terakhir. Walaubagaimanapun, Siddiq Fadhil tidaklah menyatakan bahawa puisinya berunsurkan sastera Islam dan Maqasid al Syariah tetapi penulis menilai bahawa beliau berkarya dengan secara tidak langsung telah menerapkan nilai-nilai tersebut.

Bentuk dan Tema

Sastera dilihat melalui dua aspek utama iaitu bentuk dan tema. Bentuk disebutkan sebagai aspek luaran manakala tema dari aspek dalaman. Perbincangan mengenai aspek luaran iaitu bentuk ialah estetika perkataan, bahasa yang jelas, ungkapan yang berseni, perkataan yang tepat, makna yang jelas, kehalusan ayat, rima yang sama dan teknik yang pelbagai. Bentuk dalam sastera Islam melihat keupayaan penulis dalam menghasilkan sebuah karya tanpa menyetepikan apa yang telah digariskan dalam syariat Islam khususnya dalam Maqasid al Syariah al Tahsiniah.

Manakala perbincangan persoalan tema yang dibangkitkan ialah mengenai pengabdian, kebaktian, ilmu pengetahuan, realisme, tolong-menolong, kerjasama, keadilan, kesaksamaan, mengangkat nilai akhlak dan memberikan pengajaran dan pedoman.

Penulis mengemukakan persoalan iaitu antara bentuk dan tema yang manakah menjadi keutamaan Siddiq Fadhil? Pada pandangan beliau, bentuk dan tema saling melengkapi di antara satu sama lain yang tidak boleh dipisahkan. Namun, beliau juga melihat bahawa sastera Islam perlu berada di pertengahan, tidak berlebihan seperti bentuk kata hiperbola yang tidak boleh diterima akal dan tema yang tidak realistik yang lebih cenderung kepada khayalan semata-mata.

Untuk itu, terdapat satu perbincangan yang panjang dan diperdebatkan iaitu Seni untuk Seni dan Seni untuk Masyarakat. Siddiq Fadhil melihat bahawa ada satu perbezaan yang sangat ketara terhadap dua seni tersebut.

Pertama: bentuk estetika dan biasa.

Pada pandangan Siddiq Fadhil, seni luaran sesebuah karya tidak hanya tertumpu kepada bentuk yang estetika sahaja atau yang tidak ada estetika langsung, malah beliau melihat keduanya saling berkait rapat. Beliau berpandangan bentuk luaran ini dengan firman Allah azza wajalla:

يَا بَنِي آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُؤَارِي سَوَآتَكُمْ وَرِيشًا

Pengertian: Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan. (Surah al- 'Araf:26)

Perkataan al Risya dalam ayat di atas membawa makna yang pelbagai. Pada beliau al Risya ialah keindahan, kecantikan dan sebuah perhiasan yang dijaga. Pendapat ini bertepatan dengan pendapat ulama' dahulu. Ada juga berpandangan bahawa al Risya ialah harta (Tafsir al Thabari). Ada juga ulama' yang melihat al Risya ini sebagai gaji, upah dan nafkah¹⁵.

¹⁵ Ibid.

Ahli Bahasa Arab juga mengatakan makna asal al-Risya ialah menutup seperti burung menutup badan dengan kepaknya¹⁶. Pendapat ini juga disebut oleh Siddiq Fadhil semasa sesi temu ramah bersama beliau.

Oleh itu, Siddiq Fadhil melihat sastera Islam dari segi bentuk ialah sebuah karya yang indah, cantik dan sebuah perhiasan yang dijaga rapi. Bahasa yang digunakan mudah difahami namun masih ada nilai seni yang tersendiri.

Kedua: tema

Tema menurut sastera Islam ialah menutup. Ini seerti dengan makna al-Risya pada ayat di atas. Maksudnya ialah sesebuah sastera Islam mesti menjaga keaiban manusia dan ciptaan tuhan. Di samping itu, Siddiq Fadhil juga menolak ASAS '50 yang memperjuangkan Seni untuk Masyarakat dan Seni untuk Seni di atas beberapa sebab. Sebagai contoh, Seni untuk Masyarakat mengandungi unsur-unsur ketaasuban seperti Materialisme, Romanisme, Realisme, Behaviourisme, Klasikal, Imaginisme, Individualisme, Rationalisme dan Sekularisme. Sesebuah gerakan atau pertubuhan akan mengangkat tema sasteranya sesuai dengan pegangan dan kefahaman mereka. Perkara ini mengundang berat sebelah. Sebagai contoh, individu yang memperjuangkan tema Materialisme barangkali akan menolak Romanisme dan sebagainya.

Di samping itu, Siddiq Fadhil juga menafikan hak Seni untuk Seni kerana sesuatu yang dicipta oleh Yang Maha Pencipta mesti berpasangan dan saling memberi manfaat di antara satu sama lain. Seandainya Seni untuk Seni, bagaimanakah seni itu dapat menikmati seninya sendiri kerana ia bersifat subjektif yakni tidak bernyawa. Beliau membawakan satu contoh iaitu jurutera mencipta telefon, apakah jurutera itu mencipta telefon untuk kegunaan telefon dan bercakap dengan telefon. Jawapannya tidak. Jadi, telefon digunakan untuk manusia supaya dapat berkomunikasi jarak jauh dengan ibu bapanya, kaum kerabat dan sesama manusia. Begitulah ciptaan tuhan, lelaki dijadikan untuk wanita dan jantan untuk betina. Inilah sunatullah yang sempurna.

Kesimpulan

Bentuk dan tema dalam sastera Islam sangat syumul dan sempurna. Semua perbahasan yang terdapat dalam agama Islam ternyata benar dan Islam sesuai dalam segala aspek. Sastera Islam menyatukan bentuk-bentuk sebagai sebuah perhiasan yang indah dan tersusun rapi dan mengangkat tema-tema yang suci bersesuaian dengan ajaran Ilahi.

Antologi puisi Siddiq Fadhil

Dalam antologi puisi ini, penulis akan mengkaji puisi Siddiq Fadhil. Puisi ini dipetik daripada bukunya Nasihat dan Pesan dari al-Haramain.

*Suara itu menabur gema
Panggilan itu menebar kumandang
Lantanganya meratai jagat
Nyaringnya merentasi abad*

Dalam rangkap ini, penulis melihat Siddiq Fadhil mengangkat tema Tauhid melalui perkataan 'panggilan itu', yakni panggilan tuhan. Di samping itu, beliau juga menggunakan bentuk

¹⁶ Ibid.

estetika yang indah iaitu ‘meratai jagat’ yang membawa makna panggilan itu menyeru seluruh kehidupan yang berada di alam bumi ini.

Laungan ibrahimi

Dari tanah suci makki

Tunaikan haji

Walau sekali

Pada rangkap kedua, Siddiq Fadhil mengangkat tema ibadat. Secara umunya, seorang Muslim yang sudah mengenali Pencipta maka jatuh ke atasnya kewajiban untuk melaksanakan segala tuntutan yang diperintah oleh Maha Pencipta dan meninggalkan segala larang-Nya. Oleh itu, dapat kita perhatikan pada rangkap kedua ini tentang pelaksanaan rukun Islam yang kelima yakni menunaikan haji.

Dalam rangkap ini juga, beliau mengaitkan sastera Islam dengan Maqasid al Syariah iaitu beliau menyatakan kewajiban menunaikan haji hanya 1 kali. Beliau menyebut ‘tunaikan haji walau sekali’. Inilah dinamakan Maqasid al Syariah, kekayaan Muslim perlu dikongsi bersama. Sudah diketahui bahawa mengerjakan fardhu haji memerlukan kewangan yang banyak terutamanya jemaah haji yang datang dari jauh seperti Malaysia ke Bumi Makkah. Kewajiban menunaikan fardhu haji adalah satu tuntutan bagi seluruh umat Islam yang berkemampuan bahkan mereka mesti berazam dan berusaha untuk melaksanakan ibadat ini walaupun hanya sekali. Bagi Muslim yang kaya, bantulah muslim yang kurang berkemampuan untuk mengerjakan haji seandainya beliau sudah mengerjakan haji.

Seruan itu menyedut manusia

Beragama warna aneka bahasa

Tumpah melimpah

Membanjiri Makkah

Dalam rangkap ini, Siddiq Fadhil membawa tema pengabdian dan kebaktian. Tema pengabdian disebut pada bait ‘seruan itu menyedut manusia’ dan ‘membanjiri Makkah’. Seruan itu ialah panggilan Allah azza wajalla kepada hamba-hamba-Nya untuk menunaikan segala ibadat baik yang wajib mahupun sunat. Bait ini hendak menggambarkan kekhusyukan hamba-hamba tersebut dalam menunaikan segala kewajiban tanpa ada paksaan. Semua manusia berpusu-pusu dan bersegera menunaikan kewajiban tersebut sehingga Bumi Makkah dibanjiri jutaan umat Islam.

Di samping itu, beliau juga mengangkat tema kemanusiaan. Beliau menyebut ‘beragama warna aneka bahasa’. Penulis berpandangan bahawa Siddiq Fadhil mengambil kefahaman dari ajaran al Quran. Firman Allah azza wajalla:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Pengertiannya: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).* (Surah al-Hujrat:13)

Selain itu, Siddiq Fadhil juga menitikberatkan soal bentuk estetika seperti ‘menyedut manusia. Beliau ingin menggambarkan suasana dan keadaan umat Islam yang khusyuk mengerjakan ibadah. Bentuk hiperbola juga digunakan iaitu ‘tumpah melimpah membanjiri Makkah’. Beliau menggambarkan suasana yang sesak disebabkan umat Islam yang ramai di Bumi Makkah sehingga tidak dapat dihitung jumlahnya.

Datang dari hujung dunia

Meredah sahara

Hingga unta lesu tidak bermaya

Jauh sekali

Hingga kaki bagai tercabut buku lali

Dalam rangkap ini, Siddiq Fadhil juga mengangkat tema pengorbanan, beliau menyebut ‘datang dari hujung dunia meredah sahara’. Inilah dinamakan Maqasid al Syariah iaitu menjaga harta dan jiwa. Seorang Muslim perlu mengorbankan masa, harta dan tenaganya demi memperoleh keredhaan Ilahi. Muslim tersebut perlu mengembara dan menempuhi padang pasir dan sememangnya ia satu perjalanan yang berat dan sukar pada zaman dahulu mahupun sekarang. Namun Muslim itu akan mendapat kemanisan dan ganjaran yang setimpal hasil pengorbanan yang dicurahkan dengan penuh keikhlasan.

Penulis mendapati ada sedikit perumpamaan yang tidak berapa tepat pada ungkapan ‘Unta lesu tidak bermaya jauh sekali hingga kaki bagai tercabut buku lali’. Sains mengatakan bahawa unta memiliki fizikal dan mental yang sangat kuat. Unta mampu bertahan selama beberapa minggu dan boleh berjalan jauh tanpa berhenti. Selain itu, sejarah juga menggunakan unta sebagai pengangkutan untuk mengembara dan berdagang. Barangkali lebih tepat dan sesuai ialah menggantikan unta kepada kuda atau keldai.

Buat sekian kali

Aku datang lagi

Tapi dengan pesawat berteknologi tinggi

Dilayan bagai VIP

Dalam rangkap ini, Siddiq Fadhil membuat perumpamaan. Beliau membandingkan sistem pengangkutan zaman dahulu dan zaman sekarang. Walaupun zaman dahulu banyak cabaran dan dugaan, namun umat Islam berbondong-bondong ke Bumi Makkah. Bagaimanapun kini, zaman berkembang maju dan moden dengan ciptaan teknologi yang hebat. Perubahan zaman tetap berlaku namun bilangan umat Islam kian bertambah.

Ya Tuhanku,


Terimalah aku

Sebagai tamu

Dalam rangkap terakhir, Siddiq Fadhil meniupkan semangat pengharapan dan tawakal. Inilah nilai-nilai sastra Islam yang berlandaskan Maqasid al Syariah iaitu harapan dan tawakal. Dua nilai ini sangat dituntut dalam ajaran Islam. Apabila seorang Muslim sudah meyakini akan keesaan Allah azza wajalla, maka dia perlu melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Setiap amalan yang dilakukan perlu ada pengorbanan. Setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh, maka Muslim itu mesti berharap bahawa setiap

amalan yang dilakukan itu mendapat keberkatan dan bertawakal dengan menyerah segala urusan kepada Yang Maha Berkuasa.

Konsep Sastera Islam Mengikut Prof. Dato' Dr. Siddiq Fadhil Menurut Carta



Bibliografi

Auda, J. (n.d.), Understanding Maqasid al Shariah.

Hassan, M. A., 1992, Aesthetic Education from Tawhid Approach, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Hussein, Nasr El Din Ibrahim Ahmed, 2005, الأدب الإسلامي : الإطار والمنهج (al-Adab al-Islami : al-itar wa al-manhaj) = Islamic literature: paradigm and method, IIUM Press: Kuala Lumpur.

الإمام جلال الدين ابن أبي بكر السيوطي، 2004، الجامع الصغير، دار الكتب العلمية: بيروت.
 الإمام أبو حامد محمد بن محمد الغزالي، 450، المستصفى من علم الأصول، الجامعة الإسلامية: المدينة المنورة.
 سيد قطب، 1995، في التاريخ فكرة ومنهج، دار الشروق: بيروت.
 كارلو نالينو، 1954، تاريخ الآداب العربية من الجاهلية حتى عصر بني أموية، دار المعارف: القاهرة.
 الندوي، أ. ح. (n.d.). في مسيرة الحياة .
 البيوي، م. س. (n.d.). مقاصد الشريعة وعلاقتها بالأدلة الشرعية .
 صحيح ابن حبان. (n.d.).